

**PERTANDINGAN MEMBANGUN PERISIAN MULTIMEDIA  
SEMPENA PROGRAM PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI  
PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2007**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Memberi pendedahan dan menarik minat pelajar untuk menghasilkan persembahan multimedia yang mampu menghasilkan mesej atau maklumat yang jelas dan menghiburkan. Mewujudkan satu budaya IT dalam persembahan berbentuk gabungan teks, audio, grafik dan animasi. Mengabungkan tenaga dan idea di antara pelajar dalam menghasilkan persembahan multimedia serta meningkatkan daya kreativiti pelajar.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pertandingan Membangun Perisian Multimedia Peringkat Negeri Kelantan adalah merupakan pertandingan yang dilaksanakan sempena Program Pembangunan Sains dan Teknologi peringkat Negeri Kelantan.
- 2.2 Ianya bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai/kakitangan/pelajar di dalam menghasilkan satu persembahan multimedia yang mampu menyampaikan maklumat dan mesej secara jelas dan menghiburkan dengan menggunakan gabungan lebih dari satu media seperti text, audio, video, grafik dan animasi.
- 2.3 Ia juga di harapkan dapat mewujudkan sikap kerjasama diantara pegawai/kakitangan/pelajar di dalam mengabungkan idea, tenaga serta mewujudkan satu budaya ICT yang mampu meningkatkan kreativiti sekaligus menampilkan kebolehan bersaing di dalam dunia pengkomputeran.

### 3. OBJEKTIF

3.1 Objektif Pertandingan Membangun Perisian Multimedia adalah sebagaimana berikut :-

- i. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang multimedia.
- ii. Menggalakan penggunaan Multimedia dalam kehidupan harian.
- iii. Meningkatkan pembangunan multimedia.
- iv. Mewujudkan pembangunan multimedia dalam penyebaran maklumat.

### 4. SKOP PERTANDINGAN

4.1 Pertandingan terbuka kepada :

i) **Sekolah-sekolah Negeri Kelantan**  
*(Sekolah Menengah di bawah Kementerian Pendidikan, Sekolah Menengah Agama Negeri, Maktab Rendah Sains MARA dan sekolah-sekolah persendirian).*

ii) **Butiran Pertandingan**

- a) **Tarikh** : 13 Ogos 2007
- b) **Tempat** : Dewan Teratai,  
Kota Darul Naim
- c) **Masa** : 8:00 pagi - 5:00 petang

iii) **Agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Institusi Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta Negeri Kelantan**  
*(Agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Pusat, Badan-badan Berkanun Negeri dan Pusat serta Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta).*

**iv) Butiran Pertandingan**

- a) **Tarikh** : 14 Ogos 2007
- b) **Tempat** : Dewan Teratai,  
Kota Darul Naim
- c) **Masa** : 8:00 pagi - 5:00 petang

**v) Kategori Terbuka**

*(Penyertaan Terbuka kepada orang ramai)*

**iv) Butiran Pertandingan**

- a) **Tarikh** : 25 Ogos 2007
- b) **Tempat** : Balai Islam, Lundang  
Kota Bharu
- c) **Masa** : 8:00 pagi - 5:00 petang

*(Pengangkutan peralatan ke tempat pertandingan adalah tanggungjawab setiap peserta).*

Borang Penyertaan bolehlah di "**download**" di laman web <http://ppst.kelantan.gov.my> dan hendaklah sampai kepada urusetia sebelum atau pada **02 Ogos 2007**.

**5. TEMA**

- 5.1 Ciri-ciri multimedia hendaklah selari dengan tema yang berbunyi "**Pembangunan Bioteknologi Ke Arah Peningkatan Kualiti Hidup Masyarakat**".

## **6. PANDUAN UNTUK MEMBANGUN PERSEMBAHAN MULTIMEDIA**

- 6.1 Agensi/Sekolah yang ingin membangunkan persembahan Multimedia masing-masing perlulah memastikan dokumentasi multimedia yang dibangunkan menggunakan lebih daripada satu gabungan media iaitu text, audio, video, grafik dan animasi yang menghiburkan.
- 6.2 Peserta boleh menggunakan pelbagai perisian yang bersesuaian seperti Macromedia, Powerpoint, Scala ataupun apa-apa sahaja perisian yang mampu melaksanakan persembahan. Persembahan multimedia ini hendaklah dibangunkan secara sendiri oleh pegawai/kakitangan/pelajar tanpa mendapatkan perkhidmatan pihak swasta. Ini adalah untuk memastikan pegawai/kakitangan/pelajar boleh mendapat imbuhan kepada diri sendiri semasa membangunkan persembahan multimedia tersebut.
- 6.3 Satu persembahan multimedia yang baik ialah persembahan yang mampu menghiburkan penonton, menyampaikan mesej dengan jelas, menggabungkan penggunaan warna dan susunan media yang seragam dan menarik, mempunyai sela masa persembahan yang sesuai dan ianya tidak membosankan.

## **7. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

- 7.1 Persembahan multimedia yang telah dipertandingkan pada tahun sebelumnya dan telah memenangi tempat pertama, kedua dan ketiga tidak dibenarkan di pertandingan pada tahun ini.

## 8. KRITERIA MULTIMEDIA

8.1 Setiap persembahan multimedia yang dihasilkan mestilah mempunyai ciri-ciri seperti berikut :-

- « **Kreatif**
- « **Menghiburkan**
- « **Gabungan warna yang menarik**
- « **Keaslian**
- « **Kesempurnaan**

## 9. PEMENANG DAN HADIAH PERTANDINGAN

9.1 Hadiah-hadiah akan disediakan bagi setiap kategori pertandingan seperti berikut:-

<b>KATEGORI</b>	<b>HADIAH</b>	<b>BIL</b>	<b>SIJIL</b>
Agensi Kerajaan, Badan Berkanun/ Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta Negeri Kelantan	Johan	1	Akan diberikan
	Naib Johan	1	
	Tempat Ketiga	1	
	Saguhati	10	
Peringkat Sekolah	Johan	1	Akan diberikan
	Naib Johan	1	
	Tempat Ketiga	1	
	Saguhati	10	
Terbuka	Johan	1	Akan diberikan
	Naib Johan	1	
	Tempat Ketiga	1	
<b>Catatan:</b> Bagi peserta yang tidak mendapat tempat, sijil penyertaan akan diberikan			

## 10. MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH

10.1 Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang akan diadakan pada Majlis Program Pembangunan Sains Dan Teknologi Peringkat Negeri Kelantan 2007.

## 11. PAMERAN MULTIMEDIA

11.1 Pemenang Multimedia terbaik (Johan) dikehendaki mempamerkan persembahan tersebut semasa pameran Program Pembangunan Sains Dan Teknologi berlangsung.

## 12. PENYERTAAN PERTANDINGAN

12.1 Agensi/Sekolah yang berminat bolehlah mengemukakan permohonan dengan mengisi borang pertandingan. **Penyertaan tidak terhad. Hadiah akan diberikan kepada Johan, Naib Johan, dan tempat ketiga. Saguhati tidak akan diberikan.**

- \*\*BORANG A :** Agensi Kerajaan/Badan Berkanun/Institusi Pengajian Tinggi Negeri Kelantan
- \*\*BORANG B :** Sekolah-sekolah Negeri Kelantan
- \*\*BORANG C :** Kategori Terbuka

## 13. PERTANYAAN

13.1 Sebarang pertanyaan mengenai pertandingan ini bolehlah dikemukakan kepada pihak Urusetia Pertandingan Membangun Perisian Multimedia iaitu :-

**Urusetia Pertandingan Membangun Perisian Multimedia  
Sempena Program Pembangunan Sains Dan Teknologi  
Peringkat Negeri Kelantan 2007  
Unit Perancang Ekonomi Negeri  
Blok 6, Tingkat 1, Kota Darulnaim  
15503 KOTA BHARU  
Tel : 09-7430504**

Fax : **09-7430504 / 09-7443411**

e-mel : **pmn@kelantan.gov.my**

\* *Pihak penganjur boleh meminda mana-mana syarat dan kriteria pertandingan dari semasa ke semasa demi kepentingan keputusan pertandingan.*

#### **14. KOS IMPLIKASI KEWANGAN**

14.1 Kos kewangan untuk melaksanakan Pertandingan Multimedia Peringkat Negeri Kelantan 2007 dianggarkan sebanyak **RM 14,000.00** merangkumi perbelanjaan makan-minum (peserta dan panel hakim), hadiah-hadiah untuk semua pemenang dan saguhati untuk para panel hakim yang terlibat.

#### **15. PENUTUP**

15.1 Pertandingan ini dirancang bukan sahaja untuk memberi galakan kepada agensi/sekolah dalam menyediakan satu persembahan multimedia yang menarik tetapi juga diharap dapat meningkat pengetahuan dan kemahiran multimedia di dalam menyahut cabaran ICT.

**UNIT PERANCANG EKONOMI  
NEGERI KELANTAN**